

**Meningkatkan kualiti
usahawan IKS Melayu**

H.M. 2/11/07 MS 12

>>Oleh Hatipah Ahmad

hatipah@hmetro.com.my

SEKTOR Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dijangka terus menjadi antara tonggak utama pembangunan negara pada tahun ini.

Peranannya sebagai pendongkong pertumbuhan ekonomi perlu diberi perhatian, termasuk membantu syarikat tempatan, khususnya Bumiputera mempelbagaikan produk dan pasaran.

Justeru, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), pertumbuhan IKS sama ada di luar bandar atau bandar akan terus dipertingkatkan, terutama membabitkan usahawan Bumiputera dalam bidang makanan serta kosmetik.

Presiden Persatuan Rangkaian Usahawan Wanita (Wena), Datuk Faridah Omar Shah, berkata persatuan perniagaan, terutama yang memperjuangkan 'survival' usahawan Bumiputera berdepan cabaran besar pada tahun ini.

Katanya, antara cabaran itu adalah untuk memastikan

A.M 3/10/07 M/S 12
kesinambungan dalam jangka hayat syarikat IKS Bumiputera dan berusaha mewujudkan hubungan rapat dengan pihak berkepentingan seperti jabatan kerajaan, syarikat swasta besar dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi mendapat projek.

Ketika ini, terdapat lebih 800 pengusaha Bumiputera terbabit dalam sektor berkenaan dan mereka perlu dibimbing bagi membolehkan produk dipasarkan ke luar negara.

Langkah yang boleh dipertingkatkan adalah dengan menyediakan ruang perniagaan mencukupi serta membangunkan pasar tani supaya produk mereka dapat dijual.

Jika mengikut statistik lain pula, program Peruncitan Mara membabitkan kira-kira 30,000 usahawan dari dalam dan luar negara dapat mewujudkan rangkaian perniagaan yang lebih luas kepada Bumiputera.

Pada masa sama, sokongan sektor perbankan juga harus diteruskan supaya kesinambungan daya saing dan jangka hayat IKS tempatan di



Persatuan perniagaan yang memperjuangkan survival usahawan IKS Bumiputera menghadapi cabaran besar tahun ini"

Datuk Faridah Omar Shah

Presiden Persatuan Rangkaian Usahawan Wanita

negara ini dapat dipertahankan.

Saranan kerajaan supaya bank turut membantu IKS tempatan tidak dipandang sepi.

Malah, sepanjang 2006 banyak bank tampil untuk memberi sokongan kepada sektor IKS supaya mereka berdaya maju.

Antaranya Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Bhd (SME Bank) yang turut menyediakan Pusat Nasihat SME Bank (SAC),

bertujuan membolehkan industri kecil dan sederhana mendapat bantuan perkhidmatan seperti khidmat nasihat mengenai perniagaan, termasuk menilai potensi pasaran hingga kepada daya maju perniagaan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata SAC menawarkan lima perkhidmatan teras iaitu nasihat perniagaan, peningkatan perniagaan, maklumat, promosi dan pe-

madanan perniagaan serta penilaian prestasi.

Penubuhan itu dilihat menjadi pemangkin kepada kesinambungan usaha kerajaan menambah baik infrastruktur kewangan sedia ada, meningkatkan produk serta perkhidmatan bagi memastikan pertumbuhan IKS tidak terjejas di samping pelengkap kepada mandat menjadikan SME Bank sebagai pusat se-henti kepada IKS dan PKS menjelang 2010.

Menjelang akhir 2007, IKS tempatan akan mempunyai tempat untuk mendapatkan khidmat nasihat atau rujukan sekiranya memerlukan pandangan daripada SAC.

Ia ditambah dengan kepa-karan yang ditawarkan pusat berkenaan kerana mereka mempunyai kerjasama dengan beberapa rangkaian penyedia perkhidmatan seperti Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec), Mara, Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Perbadanan Nasional Bhd (PNS) dan CIMB.

Kerajaan juga berusaha sebaik mungkin untuk membolehkan pertumbuhan IKS, termasuk ketika berdepan dengan IKS yang berdaya maju tetapi tiada keupayaan daripada segi kewangan.

Ini termasuk menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit (CGC) untuk menyediakan jaminan bagi pinjaman yang diambil daripada institusi kewangan.

Malah, bagi menggalakkan usahawan IKS meluaskan perniagaan melalui penerokaan pasaran, Export-Import Bank of Malaysia Bhd (Exim Bank) memperkenalkan tiga kemudahan baru khusus bagi membantu mereka meluaskan eksport iaitu kemudahan jaminan luar negara Exim (EOGF), kemudahan kewangan Dapur Malaysia dan pembiayaan pelaburan luar negara (OIF).

Usahawan IKS yang ingin meluaskan operasi dan memohon pinjaman dinasihatkan membuat plan perniagaan yang baik sebelum mengemukakannya kepada bank.

Antara faktor sesuatu pinjaman ditolak oleh bank kerana plan perniagaan yang dikemukakan tidak berdaya maju.

Melalui plan perniagaan,

bank boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan perniagaan peminjam seperti latar belakang, kedudukan kewangan, unjuran perniagaan, strategi perniagaan dan keperluan operasi.

Ia hanya akan dapat diatasi dengan kerelaan usahawan untuk memajukan diri dan membuang sikap negatif demi meningkatkan perniagaan pada masa depan.

Ilitizam itu perlu dicapai dengan mengambil berat kepentingan yang perlu ada dalam jati diri usahawan.

Hakikatnya, usahawan IKS di negara ini masih lagi memerlukan bimbingan profesional dan terlatih dalam pemasaran, pentadbiran perniagaan dan pengurusan sekiranya ingin bersaing sama tara dengan peserta global lain.

Di bawah RMK-9, kerajaan memperkenalkan Dana Pembangunan Sektor Perkhidmatan yang khusus untuk meningkatkan kesedaran produk IKS, membantu usahawan berpotensi dan sedia ada untuk meningkatkan kemahiran teknikal serta membina penguasaan pasaran.

Ketidakupayaan IKS dengan perubahan teknologi menyebabkan mereka terbit dalam persekitaran perniagaan kurang mencabar dan berdaya saing, sekali gus menjejaskan keupayaan mereka bersaing di pasaran antarabangsa.

Cara terbaik membantu usahawan IKS adalah dengan mendalamkan kesedaran mereka terhadap kepentingan maklumat dalam bidang yang diceburi, termasuk dari segi pemasaran, khidmat nasihat profesional dan pengurusan.

Kesimpulannya, aspek keusahawanan dalam diri setiap usahawan berkait rapat kepada kesinambungan atau jangka hayat sektor IKS di negara ini.

Ia wajar diterapkan sejak kecil seperti memasukkan aspek keusahawanan dalam semua sukatan pelajaran sekolah dan institusi pengajian tinggi sebagai usaha memupuk minat pelajar.

Langkah ini dapat memberi pelajar pengetahuan asas keusahawanan bagi membolehkan mereka berdikari dengan memulakan perniagaan, di samping mewujudkan peluang pekerjaan sendiri.